

- 22 -

## FONOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN: SATU TEKNIK PENGESANAN KOSA KATA UNTUK TFKSIKOGRAFI STANDARD

OLEH  
ARBAK OTHMAN\*

### PENDAHULUAN

Penulis bukan penutur dialek Negeri Sembilan. Justeru itu saya terpaksa menggunakan data-data saudara Sharman Abu yang telah melakukan tinjauan tentang bunyi-bunyi vokal dan konsonan dalam dialek Negeri Sembilan (seterusnya ditulis dengan DNS sahaja)<sup>1</sup>, data-data saudara Yeop Johari Yaakob yang telah menyelidiki *Kosa Kata Melayu Dialek Negeri Sembilan dalam Kehidupan Masyarakat Desa*, iaitu tesis Drs dari Universitas Sumatera Utara, data-data daripada beberapa orang pelajar PBMP (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama) Universiti Pertanian Malaysia serta beberapa informan penutur asli DNS yang telah ditemuduga oleh penulis sendiri beberapa bulan sebelum kertas kerja ini disediakan.

### PENYELIDIKAN YANG TELAH DIBUAT

Sharman Abu membahagikan bunyi-bunyi DNS kepada dua golongan utama iaitu:

- (a) bunyi-bunyi vokal,
- (b) bunyi-bunyi konsonan,

#### Bunyi-Bunyi Vokal

Bunyi-bunyi jenis ini dibahagikan kepada dua:

- (a) vokal tulen,
- (b) vokal yang disengaukan,

### Vokal Tulen

Bunyi-bunyi vokal tulen<sup>2</sup> dalam DNS adalah sebagai berikut:

- [i] seperti pada perkataan [gigi] gigi [diʔi] diri.
- [e] seperti pada perkataan [ʔeke] ekar [dideh] *didih*, [bunte] *buntil*, [kinʔe] *kincir*.
- [Eʔ] seperti pada perkataan [palEh] *palas*, [ʔEko] *ekor*, [ʔEloʔ] *elok*, [boʔEh] *beras*.
- [a] seperti pada perkataan [ʔEkaw] *engkau* [ʔatap] *atap*, [kal] *kal*, [koka] *kekal*.
- [u] seperti pada perkataan [tumboʔ] *tombong* [tumboʔ] *tumbuk*, [ʔupeh] *upih*.
- [o] seperti pada perkataan [kaʔon] *karung* [sajo] *sayur*, [pucoʔ] *pucuk*.
- [ɔ] seperti pada perkataan [ʔɔbaŋ] *kubang* [yoʔami] *jerami*.

### Vokal Yang Disengaukan

Bunyi-bunyi vokal yang disengaukan dalam DNS adalah:

- [ã] seperti pada perkataan [mãrɔ] *mana* [nãm] *enam*.
- [ũ] seperti pada perkataan [muaʔ] *muak* [mãũ] *mahu*.
- [ɔ̃] seperti pada perkataan [nãwɔ̃] *nyawa*, [limɔ̃] *lima*.
- [ẽ] seperti pada perkataan [mãʔẽ] *Ismail*, [mẽʔah] *merah*, [nẽnẽʔ] *nenek*, [ʔẽlmu] *ilmu*.
- [ĩ] seperti pada perkataan [mĩntaʔ] *minta*, [taŋĩʔ] *tengik*, [taŋĩ] *tengi*.

### Bunyi-Bunyi Konsonan

Bunyi-bunyi konsonan dalam DNS adalah seperti berikut:

- [p] seperti pada perkataan [pisan] *pisang* [ʔapo] *apa*, [tɔtap] *tetap*.
- [b] seperti pada perkataan [bilah] *bilah*, [boʔEh] *beras*, [kubo] *kubur*.

- [ t ] seperti pada perkataan [tuai] *tuai* [kutep] *kutip*, [ʔaŋket] *angkat*.
- [ d ] seperti pada perkataan [ daʔEʔ ] *darat*. [lado] *lada*.
- [ k ] seperti pada [kui] *kui*, [kipEh] *kipas*.
- [ ʔ ] seperti pada [ʔomaʔat] *jumaat*, [naEʔ] *naik*.
- [ s ] seperti pada [sabet] *sabit* [ʔous] *rūsā*, [bangso] *bangsa*.
- [ h ] seperti pada perkataan [maha] *mahal*, [sehat] *sihat*.
- [ ɣ ] seperti pada perkataan [ɣabot] *cabut*, [ɣaʔi] *cari*.
- [ ɟ ] seperti pada perkataan [ɟumpo] *jumpa*, [ʔayen] *rajin*.
- [ ʕ ] seperti pada perkataan [ʕumah] *rumah*, [boʔEh] *berat*, [balEh] *balas*.
- [ l ] seperti pada perkataan [ loʔEh] *lepas*, [tali] *tali*, [kondal] *kendal*.
- [ m ] seperti pada perkataan [mɔgam] *mogam*. [gɔ ma] *gemar*, [sɔkam] *sekam*.
- [ n ] seperti pada perkataan [nasiʔ] *nasi*, [kɔnan] *kenan*, [pɔlan] *pelan*.
- [ ŋ ] seperti pada perkataan [ŋalo] *nyala*, [sɔŋap] *senyap*, [ŋaʔEh] *nyaris*.
- [ ɲ ] seperti pada perkataan [ɲaŋɔ] *nganga*, [ɲaʔi] *ngeri*, [toʔan] *terang*, [tunggu] *tunggu*.
- [ w ] seperti pada perkataan [wayep] *wajib*. [bawaʔ] *bawa*.
- [ i ] seperti pada [jan] *yang*, [bajan] *bayang*, [bua] *buai*.

## KESERASIAN SEBUTAN DNS DENGAN SEBUTAN BUNYI-BUNYI MELAYU STANDARD

Dengan menganggap bunyi Bahasa Melayu Standard (seterusnya dieja BMS) terbelenggu oleh sistem sebutan yang fonemik (iaitu satu lambang-satu fonem), maka DNS yang alofonik sifatnya dengan sendirinya memperlihatkan keserasian

perubahan secara relatif dengan kadar yang agak seragam juga pada keseluruhannya.

Dengan menggunakan data-data yang dikumpul oleh Sharman Abu, Yeop Johari Yaakob dan para pelajar PBMP Universiti Pertanian Malaysia, daripada penutur asli DNS, yang kemudiannya disemak pula kebenarannya melalui informan tertentu yang ditemuduga oleh penulis sendiri, penulis kemudiannya merumuskan keserasian relatif di antara sebutan BMS dengan sebutan DNS itu dalam dua bentuk seperti berikut:

- (a) Keserasian bunyi tunggal,
- (b) keserasian bunyi berurutan.

### Keserasian Bunyi Tunggal

Bagi memudahkan kita mengesan bentuk ejaan perkataan tertentu dalam BM tulisan, perubahan bunyi-bunyi tunggal tertentu pada BMS haruslah dicari bunyi DNSnya, supaya pengajuan kita terhadap beberapa kosa kata DNS untuk tujuan perkamusan BMS itu dapat ditentukan bentuknya yang sebenar.

Dengan tidak menyentuh bunyi-bunyi yang terpakai sama dalam sama ada sebutan BMS mahupun sebutan DNS, yang berikut disenaraikan bunyi kelainan dalam DNS untuk masing-masing bunyi BMS sebagai kelainan keserasian yang berlaku dengan agak selaras itu. Keserasian yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

### Vokal

- (i) bunyi [a] BMS sebagai [ɔ] dalam DNS. Misalnya: [ʔɔ maʔ] *emak*, [bɔ bɔ] *bela*.
- (ii) bunyi [a] pada suku kata tutup akhir kata BMS menjadi [E] pada kedudukan yang sama dalam DNS Misalnya: [bɔʔEhʔ] *berat*, [bɔʔEh] *beras*.
- (iii) bunyi [e] BMS sebagai [i] dalam DNS pada kedudukan di suku kata akhir kata untuk kata-kata tertentu seperti [ʔasiʔ] *asyik*. Sekiranya ini dianggap kekecualian, maka keserasian e - i tidak wujud.

### Konsonan

- (i) bunyi [t] akhir kata dalam BMS disebut [ʔ] pada kedudukan yang sama

dalam DNS. Misalnya: [ʔankEʔ] *angkat*, [lɔkEʔ] *lekat*.

(ii) bunyi [s] akhir kata dalam BMS disebut [h] dalam DNS. Misalnya: [puh] *puas*, [lakeh] *lekas*.

(iii) bunyi [r] dalam BMS disebut sebagai [ʔamaj] dalam DNS pada semua lingkungan, kecuali pada akhir kata. Misalnya: [amaj] *ramai*, [baʔEʔ] *barat*. Pada akhir kata yang terkecuali itu diganti dengan pengguguran (yakni tidak disebut bunyinya). Misalnya: [kubo] *kubur*, [mɔlo] *melur*.

### Keserasian Bunyi Berurutan

Keserasian bunyi yang berurutan mendapat kaedah yang sama dengan perubahan relatif yang telah diuraikan di atas itu, sehinggakan urutan bunyi yang berikut dapat difahami kelainannya:

(i) Urutan [-at] pada akhir kata dalam BMS disebut sebagai [-Eʔ] dalam DNS. Misalnya: [kɔʔEʔ] *kerat*;

(ii) Urutan [-as] pada akhir kata dalam BMS disebut [-Eh] dalam NS. Misalnya: [kipEh] *kipas*.

### KEPENTINGAN DIALEK DALAM PEMBINAAN BMS

Pentingnya kajian tentang dialek-dialek Melayu itu sebaik-baiknya dilihat dalam hubungan dengan persoalan kertas kerja ini, iaitu dari sudut kemungkinan kita memperoleh sebanyak mungkin kosa kata BM yang benar-benar menggambarkan padangan dunia (*Weltanschauung*) Melayu, yakni cara berfikir orang-orang Melayu menafsir dalam kelilingnya. *Kamus Dewan* tidak dapat mengisi sepenuhnya cara berfikir ini. Masih banyak lagi kata-kata Melayu jati tentang semua aspek penghidupan dan aktiviti kebudayaan orang-orang Melayu yang tidak termasuk dalam kamus tersebut.

**Perkamusan** yang baik untuk sesuatu bahasa sebaik mungkin mengambil kira segala bentuk pendokumentasian yang dilakukan terhadap kosa kata yang menyelurahi pandangan dunia orang-orang Melayu yang mungkin terdapat dalam semua dialek yang mendukung sesuatu bahasa standard untuk kegunaan yang antar-dialek dalam sesebuah masyarakat bahasa. Dengan cara ini setiap penutur bahasa yang dibendung oleh suatu sistem nilai dalam satu daerah budaya yang luas dapat diperkayakan dengan konsep-konsep dan cara hidup komuniti lain dalam masyarakat yang sama; lebih-lebih lagi apabila konsep-konsep tentang cara hidup sesuatu komuniti setempat itu tidak wujud melalui dialeknya tetapi

wujud melalui dialek-dialek yang lain yang sebahasa. Dalam Bahasa Melayu misalnya, penutur-penutur dialek Kelantan dan Terengganu sebaik-baiknya mengetahui konsep-konsep hidup penutur-penutur dialek Utara (Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak Utara) dialek Tengah dan dialek Selatan Semenanjung Malaysia.

Akan tetapi, tentulah tidak mungkin setiap penutur suatu dialek itu dapat mengetahui kosa kata yang *typical* di kalangan penutur-penutur dialek yang lain atas sebab-sebab *mobiliti* yang payah. Mobiliti yang mudah pula dengan sendirinya memungkinkan seseorang itu menjadi penutur umum, kerana mobiliti yang mudah selalunya terjadi di daerah-daerah kosmopolitan, iaitu pusat terkumpulnya penutur-penutur daripada dialek-dialek yang berlainan. Sekiranya pertembungan seperti ini berlaku, kosa kata tertentu yang *pekuliardan khusus* dalam sesuatu dialek menjadi terkorban. Pengorbanan ini berlaku kerana penutur-penutur daripada berbagai-bagai dialek itu mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk bertutur dengan menggunakan kata-kata yang *intelligible* di kalangan semua golongan penutur. Pada tahap ini, ciri-ciri dialek yang ketat tersua dengan kadar yang sangat minima. Keminimalan pengekaliran ciri-ciri dialek seperti ini biasanya berkemungkinan mendorong para penutur menghapuskan sejumlah kosa kata *typical* yang sangat terpelihara di kawasan dialeknya yang sebenar. Intelligibiliti juga boleh menjadi salah satu daripada gejala yang boleh mengurangi kosa kata tertentu yang khusus dalam dialek-dialek Bahasa Melayu yang ada itu.

Kecenderungan masyarakat BM kita meninggalkan *literacy* semakin mundur kini, kerana buta huruf merupakan finemona yang sangat dibenci di dalam *weltaanschanuung* Melayu hari ini. Sebaliknya pula, semakin tinggi kadar *literacy* meningkat di kalangan penutur-penutur dialek, semakin meluas pulalah daerah *intelligibility* di kalangan mereka dalam perhubungan. Dengan perkataan lain, saya ingin menegaskan di sini bahawa *literacy* yang meningkat boleh mengakibatkan semakin banyak kosa kata asli dalam dialek-dialek Melayu terkorban. Seandainya pengorbanan itu menguntungkan kita, gejala hilangnya sejumlah kosa kata asli dalam proses masyarakat kita menerima pembangunan bahasa tidaklah merisaukan kita, iaitu sekiranya pengorbanan seperti itu tidak menjatuhkan identiti bangsa, budaya dan Bahasa Melayu.

Rupa-rupanya dalam proses kita membangunkan identiti bahasa melalui pembinaan bahasa (*language engineering*) dalam perancangan bahasa kebangsaan kita, iaitu bahasa yang kerap dipanggil bahasa standard, kita berhadapan pula dengan penerimaan konsep-konsep sains dan teknologi moden supaya tiap-tiap konsep itu perlu diberikan bentuk kata yang dinamakan *istilah*.

Orang-orang yang berhadapan dengan pekerjaan mencipta istilah seperti Prof. Madya Haji Amat Juhari Moain, Prof. Madya Abdul Hamid Mahmood dan ahli-ahli bahasa yang lain sangat mengetahui akan kekurangan kosa kata bagi dipadankan dengan konsep-konsep baru yang dibawa masuk dari luar BM itu.

Kita juga mengetahui bahawa tidaklah semua kosa kata asli yang terdapat di dalam pelbagai dialek Melayu berjaya menampung keperluan pepadanan istilah-

istilah Melayu untuk istilah-istilah asing yang sangat baru di dalam kebudayaan masyarakat Melayu seluruhnya. Sebaliknya pula, kosa kata asli dalam semua dialek Melayu, sekiranya dikumpulkan, setidak-tidaknya dapat mempertahankan pengekalan konsep kebudayaan Melayu yang sangat khusus itu supaya kemajuan kita dalam menambah konsep-konsep baru ke dalam kebudayaan kita melalui istilah-istilah yang dicipta tidak pulalah menghapuskan alam pemikiran asli bangsa Melayu yang telah sekian lama tercipta melalui sosialisasi internal di kalangan penghidup-penghidupnya dalam perhubungan dialek sekian lama itu.

Ahli-ahli bahasa, termasuk ahli-ahli sosiologi bahasa, tentunya memahami bahawa yang dikatakan **Bahasa Melayu Standard** itu tidak lain adalah kontinum dialek-dialek Melayunya<sup>4</sup>. Justeru itu Bahasa Melayu Standard dengan pertumbuhannya yang dirantai oleh pecahan dialeknya sewajar pulalah mendapat sumbangan yang utama daripada dialek-dialek yang mendukung BM itu, dan sumbangan yang sangat positif semestinyalah berlaku melalui pengisian keperluan standardisasi BM melalui leksikografi salah satu aspek permodenan bahasa kebangsaan di negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini.

## LEKSIKOGRAFI BAHASA MELAYU STANDARD

Yang dimaksudkan dengan istilah **leksikografi** ialah bidang linguistik terapan yang mencakup metode dan teknik penyusunan kamus<sup>5</sup>. Malahan, leksikografi merupakan salah satu bidang yang mesti dan sentiasa sejak daripada dahulu lagi merupakan bidang yang diperkayakan melalui pemodenan Bahasa Melayu. Badan yang langsung terlibat dengan pembinaan dan pengembangan BM pada aspek pengemasan perkamusan BM ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita semua sayugia berterima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka di atas usaha seperti itu. Penerbitan *Kamus Dewan* merupakan suatu penghasilan yang sangat agung di sisi masyarakat Bahasa Melayu dalam usahanya membina dan mengembangkan Bahasa Melayu di negara. Sebagai penutur dan pembina BM, di samping kita berterima kasih itu, kita berhak pulalah mengamati kelemahan-kelemahan tertentu sekiranya ada pada semua usaha yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sama ada dianggap sebagai kelemahan atau tidak, kekurangan *Kamus Dewan* pada menyenaraikan sejumlah besar kosa kata pelbagai dialek Melayu tetap kita akui sebagai suatu hakikat. Oleh kerana Dewan Bahasa dan Pustaka terlalu dipertanggungjawabkan oleh negara dengan berbagai-bagai pekerjaan seperti penerbitan majalah dan buku-buku pelajaran, pengembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu, peristilahan dan lain-lain lagi, kita sebagai penutur pelbagai dialek sebaik-baiknya berusaha sedikit demi sedikit mengumpul dan menyenaraikan sebanyak mungkin kosa kata dialek masing-masing bagi dikirimkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka untuk setidak-tidaknya dapat dimuatkan ke dalam senarai dokumentasi bagi digunakan pula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usahanya memperkemas bidang perkamusan yang dirancang di situ. Sekiranya ini berlaku sebelum daripada terbitnya *Kamus*

*Dewan* kesempurnaannya mungkin berlainan sifatnya daripada yang sedia tersusun sekarang ini.

## SUMBANGANDIALEK NEGERI SEMBILAN TERHADAP LEKSIKOGRAFI BAHASA MELAYU STANDARD

Kita sewajarnya lah berterima kasih kepada saudara Yeop Johari Yaakob di atas usaha beliau mengumpulkan sejumlah kosa kata DNS yang sangat berharga untuk tujuan leksikografi BM standard. Walaupun pengumpulan kosa kata beliau membuktikan persamaan yang banyak dengan kosa kata yang sedia ada di dalam kamus umum BM, terdapat pula sejumlah tertentu perkataan yang sangat khusus daerah maknanya, sehingga kata-kata tidak terdapat di dalam *Kamus Dewan*. Saya berpendapat perkataan-perkataan yang dimaksudkan itu sebaik-baiknya dijadikan sebagai sebahagian daripada entri perkamusan BMS bagi diajukan untuk pemakaian umum sekiranya sesuai. Daripada jumlah kecil yang disaring itu, terdapat sejumlah yang lebih kecil lagi yang dapat kita kategorikan sebagai salah satu daripada dua jenis yang berikut:

- (i) kosa kata asli yang ada untuk konsep yang sama telahpun terhurai di dalam *Kamus Dewan*.
- (ii) kosa kata asli yang sangat khusus lingkungan pandangan dunia Melayunya.

Penulis berpendapat kosa kata daripada jenis (i) itu sebaik-baiknya dapat diterima masuk sebagai sumber kelainan dalam pendefinisian perkataan-perkataan yang telah sedia ada di dalam *Kamus Dewan* mahupun kamus-kamus Melayu yang lain. Beberapa contoh perkataan yang termasuk ke dalam senarai jenis ini adalah seperti berikut:

|                 |                                                                       |
|-----------------|-----------------------------------------------------------------------|
| <b>jerejau</b>  | [ɟɔʔɟaw] <i>gelegar</i> atau <i>pemalang</i> di bawah lantai.         |
| <b>penganan</b> | [pɔŋanən] <i>dodol</i>                                                |
| <b>sampak</b>   | [sampaʔ] <i>basahan</i> , <b>seluar sampak</b> : seluar basahan.      |
| <b>tempolok</b> | [tɔmpoloʔ] <i>tembolok</i> .                                          |
| <b>lecek</b>    | [lɛʔɛʔ] <i>nipis</i> , <b>tempat lecek</b> = tempat menipiskan getah. |
| <b>tambang</b>  | [tambən] <i>tempat menambat</i> .                                     |
| <b>bangkar</b>  | [baŋka] <i>timbunan sampah</i> , <i>perun</i>                         |

|                  |                                                                             |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| <b>kecar</b>     | [kɔca] menjala.                                                             |
| <b>gedebung</b>  | [gɔdabɔŋ] tingkat sangkar, <b>mengedebung</b> = mendebug.                   |
| <b>pelebas</b>   | [pɔlɔbɛh] bengkawan.                                                        |
| <b>beban</b>     | [bɔban] lunggukan daun rembia.                                              |
| <b>bengit</b>    | [bɔŋɛʔ] bebal.                                                              |
| <b>biak</b>      | [biaʔ] becak.                                                               |
| <b>lampung</b>   | [lamponŋ] ringan daripada sepatutnya.                                       |
| <b>lantak</b>    | [lantaʔ] kayu pengasak (piling rod).                                        |
| <b>tapuk</b>     | [tapoʔ] belat di sungai.                                                    |
| <b>melilau</b>   | [mɔlilaw] curi tulang.                                                      |
| <b>bersiut</b>   | [bɔsijut] bunyi sedutan akibat terlampau pedas.                             |
| <b>berbentar</b> | [bɔbɛnta] terpingar, terbentak daripada sebarang kedengaran buat sementara. |
| <b>bangap</b>    | [baŋap] lembam, bodoh, bengap                                               |
| <b>senereh</b>   | [snɛʔɛh] cantik, <b>tak senerah</b> = tak cantik.                           |
| <b>boyak</b>     | [bɔjaʔ] lembam, lembap, tak cergas, malas.                                  |

Kata-kata daripada jenis (ii) semestinya dijadikan sumber entri dalam sebarang penyediaan kamus BM, setidak-tidaknya difikirkan dengan sungguh-sungguh oleh pihak tertentu yang bertanggungjawab dalam pembinaan BMS, barangkali Dewan Bahasa dan Pustaka. Kata-kata golongan ini begitu khusus daerah maknanya yang barangkali tidak biasa wujud dalam semua bentuk dan cara kehidupan orang-orang daripada penutur dialek Melayu yang lain. Sekalipun ada, gejala seperti ini lebih lagi memperkuat penggunaannya yang meluas, atau antara-dialek. Dalam DNS terdapat beberapa perkataan yang menarik maknanya, seperti berikut:

|                   |                                                                                       |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>berdamar</b>   | [bɔdama] keterukan bekerja.                                                           |
| <b>menonoi</b>    | [mɔnɔnɔi] keadaan kudis yang berair.                                                  |
| <b>berselumat</b> | [bɔsɔlumaʔ] bersempudal, keadaan kaki atau kasut yang disaluti seluruhnya oleh salut. |

|                        |                                                                                             |
|------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>ketontang</b>       | [kotuntan] mengempas kesakitan.                                                             |
| <b>mengelempas</b>     | [mɔŋɔmpɛh] keadaan tidak tentu arah kerana kesakitan, keadaan tidak tahan kerana kesakitan. |
| <b>mengenongeng</b>    | [mɔŋɔŋɔŋɛŋ] terpinga-pinga.                                                                 |
| <b>baloi, berbaloi</b> | [bobaloi] pulang modal, <b>tak berbaloi</b> = tak pulang modal.                             |
| <b>malau</b>           | [malaw] khabar, hal; <b>apa malau</b> = apa kenanya, apa penyakitnya.                       |
| <b>tengi</b>           | [tɔŋi] bau masam-hapak.                                                                     |
| <b>taras</b>           | [tɔYɛh] susunan batang kayu kecil untuk membuat ampangan.                                   |
| <b>menapuk</b>         | [mɔnapoʔ] salah satu cara menangkap ikan                                                    |
| <b>bongek</b>          | [bɔŋɛʔ] degil, ketegak.                                                                     |
| <b>kendal</b>          | [kɔndal] hampir-hampir hendak keras, kental.                                                |
| <b>berembat</b>        | [bɔɛmbat] tak berhenti seperti ketika bermain-main, atau makan-makan.                       |
| <b>ropong</b>          | [ʔɔpɔŋ] bekas air daripada tempurung kelapa yang sedikit bertebuk di bahagian atasnya.      |
| <b>tengkalak</b>       | [tanʔkalaʔ] perangkap ikan daripada buluh yang bisanya diletakkan pada kancing anak air.    |

Sejumlah kecil kosa kata di atas telah dikutip sendiri oleh penulis melalui informan yang dipilihnya dalam penyelidikannya untuk tujuan kertas kerja ini. Sebagai tambahan diperturunkan lagi beberapa perkataan yang saya petik daripada tesis saudara Yeop Johari Yaakob yang penulis anggap tergolong kepada jenis yang sama:

|                  |                          |
|------------------|--------------------------|
| <b>pemetung</b>  | [pɔmɔtɔŋ] saluran air.   |
| <b>senggerak</b> | [sɔŋɛʔɛʔ] senggerak.     |
| <b>punung</b>    | [punɔŋ] pundung, dangau. |

jeremak      [ɔʔamaʔ] jala kecil.

lelayu      [lələju] lelayu

## KESIMPULAN

Proses pembinaan bahasa yang dirancang oleh pihak-pihak yang ada hubungan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang peristilahan sering berhadapan dengan golongan ahli dalam bidang ilmu pengetahuan masing-masing yang selalunya menggunakan *Kamus Dewan* sebagai kitab pengesahan apabila sesuatu perkataan itu hendak dipilih bagi dijadikan *istilah* dalam bidang-bidang tertentu. Apabila sahaja sesuatu perkataan itu dicadangkan oleh ahli bahasa yang turut bekerjasama dalam menentukan istilah-istilah tertentu seperti istilah sains misalnya, pakar-pakar ilmu sains ini biasanya menolak sekiranya perkataan yang dicadangkan untuk dijadikan istilah itu perkataan yang terdapat dalam sesuatu dialek. Perkataan-perkataan seperti ini, yang tentunya tidak ada di dalam kamus tersebut, dianggap bukan perkataan biasa untuk kegunaan umum. Pada hal, lebih daripada 50 peratus perkataan yang terdapat di dalam *Kamus Dewan* itu tidak dimengerti oleh penggunaan umum BM kerana sumber pengambilannya daripada beberapa dialek Melayu sama ada dialek-dialek di Malaysia mahupun bahasa atau dialek daripada Indonesia. Justeru itu, waras jugalah kiranya kita menganjurkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberikan perhatian yang lebih serius terhadap pengumpulan kosa kata dialek-dialek Melayu sebagai usaha menolong pihak yang berkenaan melengkapkan bidang leksikografi BM yang sentiasa dirancang di Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Selain daripada itu, jumlah kata-kata dalam BMS dengan sendirinya menjadi bertambah banyak, iaitu suatu proses pengkayaan BM dari sudut pertambahan jumlahnya.

Sejumlah kosa kata yang terkumpul ini adalah di antara yang terkesan di dalam penyelidikan luar yang dilakukan oleh penulis dengan sebahagian lain-lainnya diperolehi daripada penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik seperti yang tersebut di dalam kertas kerja ini. Penyelidikan yang lebih terperinci masih perlu dilakukan lagi terhadap kosa kata DNS bagi tujuan pendokumentasian yang lebih sempurna pada masa-masa akan datang. Penulis berperanan setakat menyatakan bahawa penyelidikan dialek sangat penting untuk tujuan perkamusan dalam pembinaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia.

## NOTA KAKI

\* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Bahasa, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

<sup>1</sup> Lihat Sharman Abu, "Satu tinjauan ringkas tentang Bunyi-bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan". *Dewan Bahasa* Disember 1973 dan "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan". *Dewan Bahasa*, Jun 1974.

<sup>2</sup> **Vokal tulen** menurut Sharman Abu, ialah bunyi-bunyi vokal yang distingtif.

<sup>3</sup> Lambang [E] digunakan oleh Yeop Johari Yaakob untuk lambang [E] oleh Sharman Abu.

<sup>4</sup> Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain, *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hal. 6.

<sup>5</sup> Lihat Harimurti Kridalaksana, *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit Pt Gramedia, 1982, hal. 98.

## RUJUKAN

Asmah Haji Omar, 1975, *Essays on Malaysian Linguistics*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hymes, D., (ed.), *Language in Culture and Society*, Harper and Row.

Harimurti Kridalaksana, 1982, *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, 1982, *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sharman Abu, 1973, "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan", *Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: DBP Disember.

\_\_\_\_\_, 1974, "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan". *Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: DBP, Jun.

Trudgill, Peter, 1974, *Sociolinguistics : An Introduction*, London: Penguin Book.

Yeop Johari Yaakob, 1982, 'Kosa Kata Melayu Dialek Negeri Sembilan Dalam Kehidupan Masyarakat Desa', (Tesis Drs.), Sumatera: Universitas Sumatera Utara.